

31 Mei 2018

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan MSPO Bagi Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Besout.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Gugusan Besout telah melantik Trans Certification International Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm oil untuk Rancangan FELDA Gugusan Besout. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 5 rancangan yang diuruskan oleh Lembaga Kemajuan FELDA Gugusan Besout.

Trans Certification International Sdn Bhd merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi FELDA Gugusan Besout pada 4 hingga 6 Julai 2018. Penilaian utama akan diadakan menurut Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) MS 2530-3:2013 'General Principles for Oil Palm Plantation and Organized Smallholders'. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO. Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 6 Julai 2018
Masa : 11.00am – 12.00pm
Lokasi : Pejabat FELDA Besout 3
Felda Gunung Besout 03,
35600 Sungkai, Perak.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Ladang	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Jumlah Peneroka	Rujukan GPS
Besout 1	Felda Gunung Besout 01, 35600 Sungkai, Perak.	2195.80	520	E 101° 17' 33.359" N 3° 50' 39.84.
Besout 2	Felda Gunung Besout 02, 35600 Sungkai, Perak	2007.38	495	E 101° 19' 35.39"; N 3° 50' 34.71"
Besout 3	Felda Gunung Besout 03, 35600 Sungkai, Perak	1064.56	271	E 101° 17' 38.332" N 3° 50' 30.827"
Besout 4	Felda Gunung Besout 04, 35600 Sungkai, Perak	882.10	215	E 101° 16' 20.5 '' N 3° 47' 28.87''
Besout 5	Felda Gunung Besout 05, 35600 Sungkai, Perak	409.30	102	E 101° 17' 49" N 3° 43' 12"

Trans Certification International Sdn Bhd adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TCI adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan, dan pensijilan produktiviti. Semenjak tahun 2015, TCI telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain.

Pasukan audit dari Trans Certification International Sdn Bhd yang akan melaksanakan audit penilaian di FELDA Gugusan Besout terdiri daripada:

En. Mohd Rizal Bin Kassim sebagai Ketua Juruaudit (Amalan Pertanian Baik di ladang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang, HCV dan Sosial);

En. Abdul Hakim Bin Mohamad sebagai Juruaudit (Aspek undang-undang dan Alam Sekitar);

En. Mohd Johari Bin Kassim sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:
Alamat:
Email:
Nombor Telefon:
Nombor Faks:

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pengarah Urusan

Trans Certification International Sdn
Bhd.
No. 15 & 17, Ground Floor ICT HUB,
Jalan Putra Square 4, Putra Square,
25200 Kuantan Pahang.
Fax: +609-560 9613
Email: info@transcert.com.my

DAN/ATAU

Auditee:

En. Ahmad Shahrir Ismail

Certification & Due Diligent
FELDA Global Ventures Holdings Berhad
Level 20, Menara Felda, Platinum Park,
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Fax : +603-2859 1311
Email : shahrir.i@feldaglobal.com

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



Maniza Mamat
Pengarah Urusan